

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 25 April 2024 bertempat di Dewan Alwy, FRIM Kepong.

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) turut menyertai majlis ini dengan kehadiran seramai 40 orang staf. Sambutan ini diserikan lagi dengan pelbagai juadah dengan bertemakan Raya Lestari yang disediakan di reruai semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian. INSTUN tidak terkecuali menyediakan juadah enak berupa Apam Balik. Apam Balik ini siap dihidangkan daripada pasukan Apam Balik Seri Menanti Gombak.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran, YB Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri NRES, YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim, Ketua Setiausaha NRES dan juga pengurusan tertinggi NRES serta para tetamu jemputan yang lain.

Sambutan Raya NRES pada tahun ini turut disajikan dengan pertandingan gerai terbaik. Alhamdulillah INSTUN sekali lagi dinobatkan sebagai juara keseluruhan gerai terbaik bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia JUPEM. Tahniah jua diucapkan kepada pasukan JUPEM atas kejayaan ini. Tahniah kepada pasukan dekorasi INSTUN kerana berjaya mengekalkan kejuaraan buat kali ketiga berturut-turut.

#INSTUN #MalaysiaMADANI #RayaAidilfitriNRES #raya2024







